

KULIAH ZOHOR

“Dakwah Perlu Pelbagai Peranan”

Masjid Maarof | 18 September 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ
طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ
يَحْذَرُونَ

Terjemahan

“Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang beriman itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga diri.” (Al-Taubah: 122)

Pengajaran

1. Pada asalnya, tidak wajar seluruh tenaga umat Islam diterjunkan ke medan perang
 - perlu ada segelintir yang berada di garis belakang memainkan peranan lain.
2. Perjuangan Islam bukan terhad hanya pada jihad bersenjata semata-mata
 - perjuangan Islam memerlukan pelbagai pendekatan dan pemain peranan.

3. Tiga jenis jihad;
 - berjihad di medan perang (sesuai dengan syarat-syaratnya)
 - mendalami ilmu agama
 - berdakwah

4. Tiga kelompok manusia
 - mujahid
 - ulama
 - pendakwah (aktivis)

5. Pembahagian kerja (distribution of labour) adalah anjuran Al-Quran

6. Walau pun mujahid memperoleh kemuliaan di atas mereka yang tidak keluar berjihad, tapi hendaklah memahami bahawa dalam kesibukan mereka di medan jihad, menyebabkan mereka terlepas peluang untuk mendalami ilmu atau perkembangan semasa
 - hendaklah merendah diri untuk mendengar peringatan dari orang lain
7. Kemuliaan bagi seorang mujahid tidak menjadikannya tahu segala perkara atau layak dalam semua bidang.

KULIAH ZOHOR

“Jangan Cari Alasan Untuk Tidak Berdakwah”

Masjid Maarof | 18 September 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

لَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنْفُسِهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ

إِنَّمَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَارْتَابَتْ قُلُوبُهُمْ
فَهُمْ فِي رَيْبِهِمْ يَتَرَدَّدُونَ

وَلَوْ أَرَادُوا الْخُرُوجَ لَأَعَدُّوا لَهُ عُدَّةً وَلَكِنْ كَرِهَ اللَّهُ انبِعَاتَهُمْ فَثَبَّطَهُمْ
وَقِيلَ اقْعُدُوا مَعَ الْقَاعِدِينَ

Terjemahan

“Orang-orang yang beriman kepada Allah taala dan hari kemudian, tidak akan meminta izin kepadamu untuk (tidak ikut) berjihad dengan harta dan diri mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang bertakwa. Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu, hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah taala dan hari kemudian dan hati mereka ragu-ragu kerana itu mereka selalu bimbang dalam keraguannya. Dan jika mereka mahu keluar (berjihad), tentulah mereka menyiapkan persiapan untuk keberangkatan itu, tetapi Allah tidak menyukai keberangkatan mereka, maka Allah melemahkan keinginan mereka dan katakan kepada mereka 'Tinggallah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal'.” (Al-Taubah : 44 - 46)

Pengajaran

1. Ada kaitan antara iman kepada Allah taala, iman kepada Akhirat, kesungguhan untuk berjihad dan sifat takwa
- kekurangan pada satu aspek akan menjejaskan aspek yang lain.
2. Seorang mukmin yang ikhlas terhadap agamanya tidak akan mencari alasan untuk tidak bersama dalam berdakwah
- mudah memberi keuzuran
- yang sentiasa memberi alasan dan keuzuran boleh jatuh dalam kelompok yang dimurkai oleh Allah taala.

3. Tanda keikhlasan kepada dakwah ialah sentiasa membuat persediaan
 - meliputi segala aspek yang termampu; simpanan kewangan, bekal dan kekuatan jasmani.
4. Kerana dakwah menuntut kekuatan dan kesihatan jasmani
 - menjadi kewajiban untuk menjaga kesihatan dan tahap kecergasan diri
 - supaya boleh laksana tugas dakwah
5. Jika tidak, ditakuti jatuh menjerumuskan dirinya ke dalam kelompok yang dicela oleh Allah taala kerana lalai dalam perintah melakukan persediaan untuk agama.

6. Tidak wajar, jika berdoa dan menangis untuk membela agama, tapi jasmaninya lemah dan tidak cergas kerana tidak menjaga kesihatan diri dan tidak ada masa untuk bersenam.